

Sektor perkhidmatan minyak dan gas perlu perubahan

Sentiment	Positive	Frequency	Daily
Outlet Country	Malaysia	Outlet Language	Malay
Impressions	181,938	Circulation	90,969
PR Value	54,581	Page	30

Page Location



Sektor perkhidmatan minyak dan gas perlu perubahan

Sektor perkhidmatan minyak dan gas (OGSE) memerlukan perubahan segera bagi membolehkannya kekal berdaya saing serta menjadi antara penyumbang utama kepada ekonomi Malaysia.

Menteri Ekonomi, Datuk Seri Rafizi Ramli, berkata semua pihak berkaitan terutama syarikat OGSE perlu melaksanakan beberapa transformasi utama bagi membina sektor berdaya tahan.

Beliau berkata, syarikat OGSE tempatan perlu memanfaatkan ke-pakaran tenaga peralihan untuk menembus pasaran pengguna hilir manamendangkan mereka memiliki kelebihan teknologi untuk beralih kepada panel solar dan ba-

han api penerbangan lestari.

Malah, katanya sejak pelancaran Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR), terdapat lonjakan minat pelabur asing terhadap sektor OGSE Malaysia khususnya daripada syarikat Jepun yang terbabit dalam sektor tenaga boleh diperbaharui.

Namun, menurutnya, minat pelaburan itu tidak dapat dipenuhi kerana terdapat ketidakseimbangan dalam penawaran disebabkan tidak ramai peserta tempatan bersedia untuk merebut peluang itu.

"Justeru, visi kedua adalah meningkatkan skala pemain OGSE tempatan supaya mereka menjadi

juara serantau.

"Mereka kekurangan skala ekonomi dan rangkaian untuk berkembang secara mampas ke peringkat antarabangsa," katanya selepas melancarkan Kajian Separuh Penggal Pelan Induk Industri OGSE Malaysia di Kuala Lumpur, semalam.

Seluruh masa depan sektor OGSE kini berdepan tekanan antara daya tahan kewangan, geopolitik dan peralihan tenaga.

Kejutan geopolitik akibat perperangan mencetuskan turun naik harga minyak ketara, mewujudkan ketidaktentuan yang menjaskan keselamatan rantaian bekalan.

Rafizi berkata, syarikat OGSE utama di Asia Tenggara mempunyai kehadiran global yang ku ku, diterjemahkan kepada pendapatan lebih tinggi.

Beliau berkata, bagi mencipta kejayaan itu, kerajaan menganggap Program Juara Serantau yang bertujuan mewujudkan lima syarikat bersaiz pertengahan dengan pendapatan melebihi RM50 juta menjelang 2030.

Katanya, ide utama program itu adalah untuk mengenal pasti peluang dan mempertemukan pi huk yang sesuai.

"Seterusnya, kita menyokong proses pemeterian perjanjian dengan menyediakan akses kepada

pembentukan dan pemasaran.

"Ini boleh dilakukan melalui penggabungan dan pengambil alihan, pembelian pengurusan atau usaha sama.

"Matlamat akhirnya adalah meningkatkan aktiviti komersial dan menaikkan hasil eksport kepada sekurang-kurangnya 50 peratus," katanya.

Ketika ini, terdapat 2,894 entiti terbabit aktiviti OGSE merentasi pelbagai sektor.

Sektor perkhidmatan mendahului dengan 1,643 entiti (56.8 peratus), diikuti pembinaan (27.7 peratus), pembuatan (8.7 peratus) serta perlombongan dan pengkuarian (6.8 peratus).